

**PERANAN WARNA DALAM BUDAYA
TRADISIONAL MELAYU DENGAN RUJUKAN
KEPADA SULALAT AL SALATIN**

NURIZZATI BINTI ISMAIL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2014

**PERANAN WARNA DALAM BUDAYA TRADISIONAL
MELAYU DENGAN RUJUKAN KEPADA SULALAT AL
SALATIN**

oleh

NURIZZATI BINTI ISMAIL

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

October 2014

PENGHARGAAN

Sesungguhnya Allah s.w.t yang maha berkuasa dan layak menerima puji-pujian. Oleh itu saya bersyukur kerana limpah-Nya segala kekuatan fizikal dan mental saya melengkapkan kajian ini walaupun berhadapan dengan rintangan ketika kerja-kerja menyiapkannya. Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas setinggi-tingginya kepada penyelia Projek Sarjana, Professor Emeritus Muhammad Haji Salleh atas bimbingan, tunjuk ajar, idea bernas, nasihat dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh penyelidikan. Beliau telah memberikan kepercayaan sepenuhnya dan memberikan semangat kepada penulis sepanjang kajian ini berlangsung. Tidak lupa juga jasa baik semua kakitangan Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa dan Universiti Sains Malaysia atas sokongan yang tidak berbelah bagi pada penulis. Buat yang terakhir kalinya, ucapan terima kasih yang amat dalam buat ibu-bapa saya En. Ismail Bin Ibrahim dan Pn. Zainon Binti Majid atas segala sokongan dan dokongan, ahli keluarga dan juga orang-orang yang penulis sayangi. Buat suamiku yang tercinta dan yang ku sayang Ahmad Zaid Bin Arazmi, “Terima kasih kanda atas segala pengorbanan, kesabaran dan kasih sayang yang telah diberikan pada dinda”. Semoga Allah membalas segala jasa dan bantuan semua kepada penulis sepanjang proses kajian ini berlangsung.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii & iv
DAFTAR JADUAL	v
DAFTAR RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	3
1.6 Kesignifikaan Kajian	4
1.7 Skop dan Batasan Kajian	4
1.8 Bidang Kajian	5
1.9 Metodologi Kajian	5
1.9.1 Reka Bentuk Kajian	6
1.9.2 Pengumpulan Data	6
1.9.3 Analisis Data	7
1.9.4 Teori Penyelidikan	8
1.10 Etika Kajian	10
1.11 Kesimpulan	12
BAB 2 SOROTAN KARYA	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Tinjauan Kajian Lepas	19
2.2.1 Kajian Dalam Negara	19
BAB 3 WARNA DALAM ALAM MELAYU	40
3.1 Warna sebagai Alat Perubatan dalam Masyarakat Melayu Lama	40

3.1.1 Pengamal Perubatan Melayu	44
3.1.2 Warna dalam Mantera sebagai Penyembuh	45
3.1.3 Warna dalam Mengenalpasti Masalah Kesihatan dan dalam Bahan untuk Ritual Penyembuhan	50
3.1.4 Warna sebagai Penunjuk dan Tanda untuk Penyakit	60
3.2 Warna dan Maknanya dalam Busana dan Bahan dalam Alam Melayu	63
3.3 Warna dalam Agama, Kepercayaan dan Adat Istiadat Alam Melayu	71
3.4 Warna dari Perspektif Lain	76
BAB 4 PENGGUNAAN WARNA DALAM SULATUS SALATIN	81
4.1 Pengenalan	81
4.2 Terma Warna Dalam Sejarah Melayu	82
4.2.1 Warna Putih	82
4.2.2 Warna Hitam	91
4.2.3 Warna Merah	99
4.2.4 Warna Kuning	108
4.2.5 Warna Hijau	113
4.2.6 Warna Biru dan Ungu	115
4.2.7 Warna Emas dan Perak	120
4.3 Analisis Terma Lain Bermaksud Warna dalam Sulalat Al Salatin	125
4.4 Kesimpulan	128
BAB 5 KESIMPULAN	132
5.1 Kesimpulan	132
5.1.1 Penyelidikan Lanjutan	138
5.1.2 Penutup	141
BIBLIOGRAFI	143

DAFTAR JADUAL

	Muka Surat
Jadual 2.1 <i>Pilihan, Tafsiran dan Penganalisisan Tafsiran Tanah</i>	32
Jadual 2.2 <i>Pilihan, Tafsiran dan Penganalisaan Sifat Tanah</i>	33
Jadual 2.3 <i>Pilihan, Tafsiran dan Penganalisaan Sifat Tanah</i>	4
Jadual 2.4 <i>Pilihan, Tafsiran dan Penganalisisan Tafsiran Tanah</i>	5
Jadual 2.5 <i>Pengkelasan Tanah Mengikut Warna (Rupa), Rasa, Bau dan Implikasinya</i>	36
Jadual 2.6 <i>Tafsiran Sifat-Sifat Kayu</i>	37
Jadual 2.7 <i>Warna dalam Jampi</i>	38
Jadual 3.1 <i>Hubungan di antara Zat, Warna dan Jenis Tumbuh-Tumbuhan</i>	54
Jadual 3.2 <i>Simbol Warna dalam Sulalat Al Salatin dan Misa Melayu</i>	64
Jadual 3.3 <i>Hantaran Mengikut Warna Permata</i>	76
Jadual 3.4 <i>Penaksiran Mengikut Warna Bahagian Tubuh Badan</i>	79
Jadual 4.1 <i>Kutipan Senarai Istilah Warna dalam Alam Melayu Silam dan juga dalam Teks Sulalat Al Salatin</i>	129

DAFTAR RAJAH

	Muka Surat
<i>Rajah 1.1</i> Kerangka Kajian	12
<i>Rajah 3.1</i> Pemeriksaan Air Kencing	51
<i>Rajah 3.2</i> Ujian Keanjalan	53
<i>Rajah 3.3</i> Upacara Tedak Siten	56
<i>Rajah 3.4</i> Larangan Penggunaan Warna Kuning dalam Kesultanan Melayu Tradisional Menurut Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang- Undang Kedah, Adat Raja-Raja Melayu Dan Undang-Undang Riau.	66
<i>Rajah 3.5</i> Carta yang Digunakan oleh Lanun-Lanun Selangor Sebelum Mengadakan Kunjungan.	77
<i>Rajah 4.1</i> Lembu Putih atau Sapi Putih dalam Masyarakat India	85
<i>Rajah 4.2</i> Bunga Seri Gading	90
<i>Rajah 4.3</i> Gambaran Istana Sultan Mansur Syah	100
<i>Rajah 4.4</i> Nuri Merah adalah antara Hadiah Persembahan Bagi Raja	102
<i>Rajah 4.5</i> Biji Saga	103
<i>Rajah 4.6</i> Kesumba atau Nama Saintifiknya Bixa Orellana	105
<i>Rajah 4.7</i> Daun Ketirah	107
<i>Rajah 4.8</i> Kuning Kunyit	111
<i>Rajah 4.9</i> Pontoh Emas	116
<i>Rajah 4.10</i> Batu Nilam yang Berwarna Kehijauan	119
<i>Rajah 4.11</i> Gelang Tangan	122

PERANAN WARNA DALAM BUDAYA TRADISIONAL MELAYU DENGAN RUJUKAN KEPADA SULALAT AL SALATIN

ABSTRAK

Warna memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia sejak dahulu kala. Tanpa warna, sesuatu budaya atau masyarakat akan hilang recahnya. Kajian ini lebih berfokus pada warna tradisional Alam Melayu berdasarkan tiga edisi *Sulalat Al Salatin* secara spesifiknya. Kebanyakan kajian tentang teks *Sulalat Al Salatin* lebih tertumpu kepada aspek kebudayaan dan adat istiadat. Walau bagaimanapun, kajian tentang warna merupakan satu topik yang agak asing dan sering dianggap sebagai satu entiti terpisah dari teks asalnya. Jika ada pun kedapatan kajian tentang warna, kebanyakannya lebih tertumpu kepada aspek busana dan perhiasan tanpa sebarang ulasan terperinci tentang warna dalam Sejarah Melayu dan pelbagai perspektif lain. Ini boleh dilihat daripada karya Siti Zainon Ismail, Raja Masittah, Asmah Haji Omar, Syed Ahmad Jamal, Nawawee Muhammad dan lain-lain. Jadi kajian ini cuba mengungkap semula, peranan warna dalam Alam Melayu dari perspektif karya *Sulalat Al Salatin* secara khususnya. Kajian akan mengumpul data berbentuk deskriptif dan secara kualitatif seterusnya menjalankan penganalisan keatasnya. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa peranan warna dalam karya *Sulalat Al Salatin*. Hal inilah yang akan menjadi sorotan utama dalam kajian ini.

Kata Kunci: Warna dalam Sejarah Melayu, Warna Alam Melayu, Kepentingan Warna Alam Melayu

THE ROLE OF COLOURS IN THE TRADITIONAL MALAY CULTURE WITH REFERENCE TO SULALAT AL SALATIN

ABSTRACT

Colours play an important role in the human life for ages. It is said that in the absence of colours, a culture or a society will lose its vitality. This study is more focused on the significance of colours in the Malay kingdom based on, more specifically, three editions of the classical literary work, *Sulalat Al Salatin*. Most studies on the Malay history manuscripts are more centred on the cultural and ceremonial aspects. However, studies on colours are an unfamiliar topic and often deemed to be an isolated entity from the original text. If there is any, most of them are focused on the features of the attire and accessories minus any elaborate commentary on colours in the Malay kingdom and other various perspectives. This is illustrated in the works of Siti Zainon Ismail, Raja Masittah, Asmah Haji Omar, Syed Ahmad Jamal, Nawawee Muhammad and others. Thus, this study attempts to unveil the significance of colours in the Malay kingdom from, specifically, the perspectives of the historical manuscript, *Sulalat Al Salatin*. The study will gather descriptive and qualitative data and later carry out an analysis on them. The result of the study identified several significance of colours in the manuscript. Hence, this will be the focal point of the study.

Key words: Colours in Malay History, Colours Malay Kingdom, Role Colours Malay Kingdom

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, saya akan menyentuh beberapa perkara asas berkaitan kajian yang akan dijalankan iaitu Peranan Warna Dalam Budaya Tradisional Melayu Dengan Rujukan Kepada *Sulalat Al Salatin*". Hal-hal ini lebih menjurus kepada latar belakang, permasalahan, persoalan, objektif, kesignifikaan, skop dan batasan, bidang kajian, metodologi, etika dan kerangka. Kajian ini dijalankan berdasarkan interpretasi dan ulasan daripada bahan-bahan tempatan dan luar negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Warna memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia sejak awal sejarah manusia. Tanpa warna, sesuatu budaya atau masyarakat akan hilang recahnya. Jadi, dalam bahagian ini perbincangan saya secara khususnya berfokus kepada makna warna di dalam Alam Melayu berdasarkan teks *Sulalat Al Salatin* yang ditulis oleh Tun Seri Lanang pada 12 hari bulan Rabiulawal Tahun Hijrah 1021 bersamaan tahun 1612 Masihi. *Sulalat Al Salatin* dipilih sebagai rujukan kerana ia satu-satunya teks bertulis yang mengandungi rujukan-rujukan tentang aspek-aspek kehidupan dan budaya Melayu lama. Ia merupakan karya penting yang diperlukan oleh istana untuk merujuk salasilah raja dan kerabatnya. *Sulalat Al Salatin* juga adalah sebuah karya yang tercipta daripada titah raja. Malah ia juga adalah sebuah karya yang istimewa bukan sahaja dari segi usianya tetapi juga dari segi bahasa, isi sejarah, gaya naratif, rujukan sastera, budaya,

adat istiadat, pakaian, persenjataan, ketatanegaraan dan sebagainya maka tarikannya juga amat besar (Muhammad Haji Salleh,1997:xviii).

Kajian ini melihat tiga versi *Sulalat Al Salatin* iaitu: edisi A. Samad Ahmad, Muhammad Haji Salleh dan Shellabear. Berikutan kepelbagaian ejaan bagi istilah “Tun Seri Lanang” dan “*Sulalat Al Salatin*” dalam penulisan, maka untuk memudahkan penurunan maklumat, saya telah memilih untuk menggunakan ejaan yang telah disebutkan seperti diatas. Kebanyakan kajian tentang teks *Sulalat Al Salatin* lebih tertumpu kepada aspek kebudayaan Melayu. Walau bagaimanapun kajian tentang warna dalam *Sulalat Al Salatin* tidak dihuraikan secara lebih khusus. Jikalau ada pun kedapatan kajian tentang warna dalam *Sulalat Al Salatin* kebanyakannya lebih tertumpu pada aspek busana, adat istiadat dan kepercayaan. Antara kajian utama yang telah dijalankan ke atas warna dalam Alam Melayu adalah oleh Siti Zainon Ismail, Raja Masittah, Asmah Haji Omar, Nawawee Mohammad dan lain-lain.

Menyedari akan keadaan ini, saya mengambil langkah positif untuk menjalankan satu kajian terhadapnya. Tambahan pula, persoalan warna sering dilihat dan dianggap sebagai satu entiti terpisah daripada sesuatu teks asal. Dapatan kajian ini nanti diharap akan dapat menjelaskan konsep warna terhadap karya-karya yang lain sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan.

Warna, *werna* atau *warena* berasal daripada perkataan Sanskrit ‘Warna’, memainkan peranan penting dalam kebudayaan Melayu (Che Husna, 1997:53). Sebagai suatu elemen sejagat, nama warna dalam sesuatu bahasa memperlihatkan hubungan serta interaksi manusia dengan alam sekeliling. Konsep warna berbeza-beza mengikut pandangan dan pengalaman sesebuah masyarakat. Banyak budaya yang terdapat di dalam dunia ini dapat dibezakan melalui jenis dan variasi makna, serta mempunyai

penggolongan warna yang tersendiri. Konsep penggolongan warna juga lazimnya berdasarkan sudut pandang sesuatu budaya.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini juga cuba melihat pandangan Tun Seri Lanang tentang warna sepanjang menghasilkan karya agung *Sulalat Al Salatin* dan melihat sejauh mana kesan persepsi budaya dan alam sekeliling sesebuah masyarakat dalam mengekspresikan konsep dan variasi makna terhadap warna.

1.4 Persoalan Kajian

Antara persoalan yang cuba diungkapkan melalui kajian ini ialah:

- 1.4.1 Berapakah kekerapan penggunaan warna dalam karya *Sulalat Al Salatin* khususnya dan karya-karya yang lain amnya.
- 1.4.2 Apakah kesan budaya dan pengalaman masyarakat asal zaman Tun Seri Lanang membentuk persepsi terhadap penggunaan warna?
- 1.4.3 Apakah warna tradisional Alam Melayu dengan rujukan khusus kepada karya *Sulalat Al Salatin*?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1.5.1 Memahami konsep warna di dalam alam Melayu dari perspektif karya *Sulalat Al Salatin* oleh Tun Seri Lanang.

1.5.2 Menganalisis terma warna yang terdapat di dalam karya *Sulalat Al Salatin*.

1.5.3 Membandingkan subjek warna di dalam tiga versi *Sulalat Al Salatin* (edisi Muhammad Haji Salleh, edisi A.Samad Ahmad dan edisi Shellabear).

1.6 Kesignifikaan Kajian

Analisis yang dijalankan mengenai peranan warna dalam budaya tradisional melayu dengan rujukan kepada *Sulalat Al Salatin* jelas menunjukkan nilai yang tinggi dan berfaedah kepada ilmu masyarakat. Kajian ini memberikan saya impak yang positif, antaranya menambahkan maklumat dan pengetahuan saya tentang warna tradisional berdasarkan budaya dalam sesebuah masyarakat melalui kajian terhadap wacana tulisan terpilih dari sumber penulisan tempatan dan antarabangsa malah memberikan sudut pandang baru tentang warna tradisional dalam karya-karya Melayu dalam pelbagai aspek.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini mungkin tidak dapat menggambarkan warna tradisional Alam Melayu berdasarkan budaya dalam kitab *Sulalat Al Salatin* secara keseluruhannya disebabkan beberapa kekangan antaranya terhadapnya sumber rujukan. Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba dihadkan skop dan batasannya seperti berikut:

1.7.1 Kajian ini hanya melibatkan peranan warna dalam masyarakat Melayu khususnya dan sesetengah masyarakat antarabangsa amnya.

1.7.2 Kajian yang dijalankan melibatkan kosa kata mengenai warna dalam karya agung *Sulalat Al Salatin* juga melibatkan;

- i. Kajian situasi, adat istiadat dan konteks budaya zaman.
- ii. Fokus kepada versi *Sulalat Al Salatin* dalam tiga edisi iaitu edisi A. Samad Ahmad, Muhammad Haji Salleh dan Shellabear.

1.8 Bidang Kajian

Kajian berkaitan penggunaan warna yang saya jalankan ini berkait rapat dengan bidang sosiolinguistik dan kebudayaan. Kajian ini cuba memaparkan sejauh mana budaya dan latar belakang sesebuah masyarakat atau bangsa, termasuk cara pemikiran dan persepsi mereka dapat memberikan kesan dan pengaruh yang besar terhadap pembentukan, perkembangan dan penggunaan bahasa yang diamalkan oleh mereka.

Dalam kata lain, saya akan membincangkan bahasa dasar warna yang berkaitan dengan tajuk perbincangan ini iaitu, “Peranan Warna Dalam Budaya Tradisional Melayu Dengan Rujukan Kepada *Sulalat Al Salatin*”.

1.9 Metodologi Kajian

Bahagian ini akan membincangkan metodologi yang bersesuaian bagi penyelidikan yang dijalankan. Ini merupakan satu aspek penting dalam sesuatu penyelidikan yang akan menentukan penemuan yang akan diperoleh. Dalam subtopik ini, saya akan mengemukakan metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini, “Peranan Warna Dalam Budaya Tradisional Melayu Dengan Rujukan Kepada *Sulalat Al Salatin*”. Bagi memenuhi ketiga-tiga objektif kajian yang telah digariskan. Antara perkara yang akan dijelaskan dalam metodologi kajian ini termasuklah reka bentuk kajian, pengumpulan data dan analisis data.

1.9.1 Reka Bentuk Kajian

Analisis wacana atau *discourse analysis*, merupakan kaedah penyelidikan berbentuk deskriptif di bawah linguistik terapan yang akan digunakan untuk membantu penulis menyingkap maklumat yang diperjelaskan melalui mesej yang bertulis. Kaedah ini merupakan salah satu bentuk kajian yang biasa digunakan dalam melaksanakan kajian kualitatif.

Dalam konteks ini, saya akan membuat kajian ke atas mesej atau data dalam bentuk bahan bertulis yang mana akan melibatkan data mengenai penggunaan warna yang dikumpul daripada sumber-sumber rujukan dalam bahasa Melayu dan Inggeris, jurnal, artikel dan lain-lain.

1.9.2 Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan secara kualitatif. Ini bermakna saya akan membaca, mencatat maklumat dan membuat pengamatan bagi memperoleh data yang relevan dengan tajuk kajian dalam bentuk perkataan juga frasa atau ungkapan daripada media bertulis.

Data ini berbentuk korpus yang terdiri daripada petikan-petikan ayat dari karya agung *Sulalat Al Salatin* khususnya yang mengandungi perkataan atau kosa kata mengenai warna serta maklumat berkaitan warna daripada buku-buku sumber antarabangsa dan juga tempatan. Saya juga akan mengemukakan data yang berkaitan dengan konsep warna serta penggunaan warna dalam bahasa Melayu dari aspek budaya, perubahan, kepercayaan dan pemikiran saintifik.

Berasaskan data dan maklumat berkaitan warna yang telah dikumpul oleh saya daripada media bertulis seperti yang telah dinyatakan di atas, saya akan membuat analisis tentang kepentingan warna dalam karya *Sulalat Al Salatin*.

1.9.3 Analisis Data

Pendekatan yang akan digunakan oleh saya dalam menganalisis data yang telah dikumpul adalah secara kualitatif. Analisis melibatkan data primer dan data sekunder. Analisa data terbahagi kepada dua iaitu analisa kosa kata warna dari buku *Sulalat Al Salatin* edisi A. Samad Ahmad, edisi Muhammad Haji Salleh dan edisi Shellabear. Selain itu juga, analisa melalui data sokongan dari sumber-sumber lain termasuk buku, artikel, jurnal ilmiah dan sebagainya. Memandangkan terdapat kepelbagaian versi karya *Sulalat Al Salatin*, penulis memfokuskan kajian hanya kepada tiga edisi yang berbeza penulisnya iaitu edisi A. Samad Ahmad, Muhammad Haji Salleh dan Shellabear. Edisi A. Samad Ahmad ini tersenarai dalam *The Malay Concordance Project* sebagai bahan rujukan umum, diterima ramai dan sering digunakan. Walaupun versi ini antara yang terbaru dihasilkan iaitu pada tahun 1979, berbanding Edisi Abdul Kadir Munsyi dalam jawi (1831), Dulaurier (1849-1856), Windstedt (1938) dan lain-lain versi, namun dalam versi ini terdapat banyak informasi dan dapatan daftar kata warna dalam masyarakat Melayu pada zaman Tun Seri Lanang. Begitu juga dalam edisi Muhammad Haji Salleh (1997) yang berdasarkan kepada naskah (manuskrip) Raffles Malay 18 yang tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London. Edisi ini telah diterbitkan dalam Karya Agung Melayu oleh Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa Pustaka sebagai penerbit bersama pada tahun 1997. Kini buku tersebut diterbitkan semula sebagai edisi baru (edisi kulit lembut) dengan tidak mengubah teks asal. Dalam edisi Shellabear (1975) pula, ia

berdasarkan kepada edisi jawi yang asli 1896 M yang diambil daripada Munsyi Mohamad Ali.

Dari pengamatan terhadap data yang terkumpul yang telah saya lakukan, rumusan bagi keseluruhan kajian akan dihasilkan. Seterusnya data serta rumusan tersebut akan disusun secara sistematik mengikut kronologi bab.

1.9.4 Teori Penyelidikan

Sehubungan dengan itu sesuatu kajian tidak akan sempurna tanpa disokong oleh teori-teori yang berkaitan. Walau bagaimanapun dalam menentukan landasan kajian tidak ada teori tertentu yang digunapakai. Oleh itu, dalam konteks untuk melihat warna tradisional Alam Melayu melalui teks *Sulalat Al Salatin* ini, teori yang sesuai dalam kajian ini dan beberapa yang lain yang relevan akan diterapkan bagi menyokong kajian berkaitan dengan perkara ini. Abdullah Jumain Abu Samah (1995:11) menyebutkan:

Seperti yang dapat dilihat dari keterangan Pelto tidak ada sesuatu acuan yang tertentu atau bersifat tetap untuk digunakan bagi sesuatu penyelidikan. Tiap-tiap penyelidikan memperlihatkan sesuatu corak yang tertentu sesuai dengan sesuatu penyelidikan itu sendiri. Ini bererti bahawa corak (termasuk metodolgi) bagi sesuatu penyelidikan adalah disusun atau dirangka mengikut cara-cara yang difikirkan paling baik menggerakkan kajian kearah matlamat yang hendak dicapai.

Berdasarkan pandangan di atas, oleh kerana kajian ini berkaitan dengan hal kajian kepentingan bahasa warna dalam teks, teori yang difikirkan sesuai ialah teori warna oleh Mahnke (1947:55) yang menyatakan hal ehwal dan kaitan warna dalam warisan kebudayaan:

It has often being question whether cultural heritage influences the effects of colour, thus rendering any reasonable conclusions about

colour physcological effect meaningless. Each colour has its own colour and pattern traditions, each have economic, geographical, and religious factors, and each has fluctuations of taste and educational level.

Istilah-istilah yang disebut oleh Tun Seri Lanang banyak memperlihatkan sudut-sudut yang disebut oleh Mahnke namun ada bidang yang tidak disebut iaitu dari aspek tahap pendidikan dan ekonomi. Setelah melihat istilah-istilah dalam *Sulalat Al Salatin* saya dapati setiap istilah warna yang dinyatakan dalam kajian teks *Sulalat Al Salatin* ini menghubungkannya dengan sudut-sudut dan bidang yang disebutkan oleh Mahnke. Setiap unsur warna dinilai melalui kaitannya dalam corak tradisi, faktor-faktor ekonomi, geografi, dan agama, dan masing-masing mempunyai riak rasa dan tahap pelajarannya. Ada baiknya kita melihat, mengkaji dan membahas setiap unsur yang disebutkan oleh Mahnke yang pertama dari segi corak tradisi. Dalam corak tradisi, warna dinilai dari segi simboliknya. Sekiranya kita berpindah kepada pengistilahan dengan melihat kepada simbol atau tabir warna kita diselak oleh Cirlot. Menurut Cirlot simbolik warna dapat dilihat melalui beberapa sumber (1985: 52, 53):

The inherent characteristic of each colour, perceived intuitively as object fact; the relationship between a colour and the planetary symbol traditionally linked with it; or the relationship which elementary, primitive logic perceives.

Ciri-ciri yang wujud dalam setiap warna, dilihat intuitif sebagai fakta sebenar sesuatu objek; hubungannya dengan alam; atau hubungannya dengan persepsi kuno sesuatu masyarakat melalui latar budaya. Berdasarkan teori yang kedua, warna dari aspek geografi pula digunakan sebagai elemen penting kajian ini. Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* perkataan geografi bermaksud (2000:393):

Sains tentang fitur-fitur semula jadi permukaan bumi, termasuk topografi, iklim, tanah, tumbuh-tumbuhan, dan gerak balas manusia terhadapnya, ilmu alam.

Faktor geografi ini diambil sebagai aspek penting dalam setiap kajian unsur warna dari aspek hubungannya dengan sumber alam, latar tempat, masa, dan suasana budaya masyarakat pada ketika itu. Warna dalam agama pula dianggap sebagai satu unsur yang universal. Universalnya sesuatu unsur warna dalam agama kerana ia digunakan dalam pelbagai agama di dunia. Malah warna juga dikaji dari segi riak rasa masyarakat mengenainya dimana setiap masyarakat berbeza perspektifnya. Pernyataan ini telah dicatatkan oleh Mahnke, Rodeck dan Meerwein yang menyatakan (1998:28):

The symbolic meaning of a particular color can be interpreted very differently by people from different cultures.

Berasaskan kepada ciri dan kesesuaian untuk kajian ini, teori ini dipilih untuk dijadikan landasan membincangkan peranan warna dalam karya *Sulalat Al Salatin*. Berdasarkan teori tersebut, ia akan membantu kajian ini mencapai objektifnya.


1.10 Etika Kajian

Kajian yang dijalankan adalah mengikut peraturan-peraturan dan etika yang telah ditetapkan. Beberapa langkah tertentu telah diambil bagi memastikan kajian ini tidak melanggar etika penyelidikan, iaitu:

- i. Segala bentuk data, maklumat, idea dan teori yang diambil dinyatakan sumber rujukan asalnya kerana ia merupakan satu amanah ilmiah dalam menjalankan penyelidikan. Di samping itu, cara ini juga dapat membantu

penyelidik akan datang yang berminat untuk menjalankan kajian dalam bidang sama.

- ii. Sesuatu keputusan yang dibuat atau pendapat yang dikemukakan adalah berbentuk umum dan tidak mengandungi unsur-unsur sensitif mahupun menyentuh peribadi mana-mana pihak. Tujuannya adalah untuk mengelakkan prasangka terhadap sesuatu perkara yang diputuskan atau idea yang diputuskan atau dikemukakan.
- iii. Analisis yang dibuat adalah berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang biasa digunakan dalam penyelidikan. Prosedur ini dipatuhi untuk memastikan hasil dan dapatan kajian memenuhi tahap kebolehpercayaan dan keesahan yang akhirnya boleh dijadikan bahan rujukan ilmiah.



Rajah 1.1 Kerangka Kajian

1.11 Kesimpulan

Bab pertama ini diharap akan dapat menjadi kerangka atau (*framework*) yang mantap kepada disertasi yang akan saya sediakan nanti berkaitan Peranan Warna Dalam Budaya Tradisional Melayu Dengan Rujukan Kepada *Sulalat Al Salatin* .

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Corak dan warna yang digunakan di dalam kesenian Melayu berkait rapat dengan identiti budaya senimannya. Karya daripada seniman Timur Tengah akan menggunakan warna kebiru-biruan, mungkin faktor persekitaran seperti langit biru atau bahan yang banyak diperoleh untuk membuat warna. Sementara di Tanah Melayu lebih banyak menggunakan warna yang berkait dengan persekitaran tempatan seperti hijau, kuning, merah (penggunaannya terhad), biru dan lain-lain, sementara di Indonesia banyak menggunakan warna keperang-perangan di samping warna-warna lain. Warna yang digunakan untuk sesuatu artifak seni juga mempunyai makna dan pemikiran yang tersendiri.

Terdapat beberapa istilah yang perlu diperincikan secara ilmiah dalam perbincangan ini; pertamanya ialah definisi warna dalam *A Dictionary Terms in Art* (Fairholt, 1903:124) bermaksud tinta dalam gambar dan cat yang digunakan oleh pelukis. Menurut Ibrahim Anis (1972:150) warna dalam kamus *Al Mu'jam al Wasit* disebut sebagai *al launu* yang bermaksud sifat pada sesuatu jisim atau benda sama ada warna hitam, putih, merah atau seumpamanya. Menurut Siti Zainon (2006:2009), perkataan warna berasal daripada bahasa Sanskrit, Varna iaitu dalam kamus Sanskrit English menjelaskan:

Outward appearance, exterior, form, figure, shape, colour, colour of the face, good colour or complexion, lusture, beauty, colour, tint, dye, pigment (for painting or writing); colour-race, species, kind, sort, character, property (applied to person or things); class of men, tribe, caste.

Warna dalam budaya Melayu pada amnya terdiri daripada tujuh warna asas (utama) iaitu hitam, putih, merah, kuning, hijau, biru dan kelabu. Konsep warna ungu, jingga dan coklat diperkenalkan kemudian kepada masyarakat Melayu oleh masyarakat luar. Menurut Asmah Haji Omar (2005:101):

Jika kita mengambil tujuh warna utama yang disebut di atas dan membuat pemerhatian dalam komuniti Melayu yang tidak begitu terpengaruh oleh pembaharuan dari segi bahasanya, maka kita akan dapati bahawa pembahagian warna utama bukanlah tujuh, tetapi kepada jumlah yang lebih kecil daripada itu. Misalnya, kajian saya terhadap persepsi warna di kalangan golongan petani di Kedah menunjukkan bahawa mereka mempunyai empat warna utama, iaitu hitam, putih, merah, dan hijau. Perkataan biru adalah perkataan yang baru bagi mereka.

Menurut Asmah lagi, ini tidak bermakna bahawa petani Kedah tidak kenal akan warna "biru" kerana konsep warna itu terlebur dengan warna hijau dalam pemikiran mereka dan justeru itu, lahirlah istilah-istilah seperti hijau langit, hijau laut, hijau telur itik, hijau daun dan hijau pucuk pisang. Demikian juga halnya dengan warna kuning. Lantaran itu, warna padi dan emas dikenal sebagai warna merah, dengan ungkapan-ungkapan seperti emas merah, padi sudah merah dan cahaya matahari dah merah.

Asmah (1985:135) menambah melalui penulisannya dengan menyatakan bahawa, di samping ketujuh-tujuh warna utama dalam terbitan-terbitannya yang terdahulu terdapat juga rujukan warna yang tidak menggunakan sebarang kata warna tetapi di sebaliknya menimbulkan konsep warna dengan memilih benda-benda yang dicirikan oleh warna-warna tertentu, misalnya: biji rembia, bunga keduduk, biji asam, kulit manggis. Dalam menggunakan ungkapan-ungkapan ini tidaklah diperlukan bantuan sebarang kata nama warna, cukup jika diungkapkan seperti "Warna baju itu kulit manggis".

Namun terdapat beberapa warna yang diberikan oleh orang-orang Melayu pada zaman lampau. Raja Masittah (1992:30) ada mengungkapkan kosa kata yang bermaksud warna atau corak iaitu istilah *ragi* misalnya:

Engkau ke mari hendak menunjukkan ragi kain engkau? Sebab ada ragi kainlah maka saya ke mari.

Tambahan Raja Masittah lagi, kosa kata seperti panca warna yang bererti lima warna ada terakam dalam *Hikayat Marakarma* (Inon Shahrudin A. Rahman, 1985). Begitu juga dalam *Hikayat Si Miskin* (berdasarkan pada naskah J.S.A Van Dissel Leiden 1897).

Setelah itu maka kelihatanlah pula panji-panji bergambar emas berumbai-rumbaikan mutiara panca warna.

Menurut Radjiman (2000:55), panca atau manca dalam bahasa Jawa sansekerta bererti lima malah dari sudut istilah artinya asing, lain dan berbeda. Contohnya dalam istilah ‘mancawarna’ atau ‘pancawarna’ maksudnya berbeda-beda warnanya. Selain daripada istilah *ragi*, menurut Raja Masittah (1992:30) dalam “Raja Donan” istilah pelangi yang juga disebut sebagai *danu* digunakan:

Wak-wak ndayu, Hujan panas sepoi bahasa, *danu* minum di tengah gelenggan.

Penggunaan istilah-istilah lain bagi menggantikan terma warna menunjukkan betapa kreatifnya pemikiran masyarakat Melayu lama dalam penggunaan kata-kata dalam kehidupan seharian. Istilah warna digunakan dalam adat istiadat, agama, budaya, perubatan dan lain-lain. Memetik kata-kata Nawawee Mohammad (1992:88), warna dalam adat istiadat Melayu meliputi adat dalam istana, pantang larang, peraturan tugas

pembesar istana, hubungan antara negeri dan seumpamanya. Adat-adat dan peraturan penggunaan warna boleh disenaraikan seperti berikut:

- i. Larangan memakai warna kuning. Dilarang sebarang warna kuning dijadikan untuk perhiasan tubuh dan juga perhiasan rumah, atau apa juga kegunaan rakyat.
- ii. Larangan rakyat bergelang kaki emas, berkeroncong emas berkepala perak, memakai penduk, dan berterapan keris. Malah dilarang sama sekali sesiapa yang memiliki emas walau bagaimana kaya sekalipun, tidak boleh memakainya kecuali dengan anugerah raja.
- iii. Payung putih pakaian raja, dan payung kuning pakaian anak raja. Bermakna payung putih lebih mudah kelihatan daripada payung kuning.

Warna juga memainkan peranan yang sangat penting dalam pakaian dan perhiasan orang Melayu. Menurut Zainon Ismail (1989:84) dalam karyanya *Percikan Seni*, warna dalam budaya Melayu mendapat tempat utama dalam menentukan status pemakainya. Warna kuning dan putih merupakan simbol utama untuk golongan raja. Daripada dua warna ini, putih lebih diberikan perhatian oleh raja manakala kuning untuk putera raja. Berdasarkan kenyataan tersebut telah diterangkan juga bahawa warna putih itu lebih terang daripada kuning dan tentunya lebih cepat dilihat dan diketahui bahawa yang di bawah payung itu adalah raja atau sedarjat dengannya.

Senarai di bawah ini menjelaskan lagi kedudukan warna payung arakan sebagai simbol status dalam budaya tradisional Melayu ketika itu (Siti Zainon, 1989:85):

- i. Putih – raja
- ii. Kuning- raja, anak raja

- iii. Ungu/merah/hijau – sida-sida/orang-orang besar
- iv. Biru – bentara/hulubalang
- v. Hitam – orang bergelar.

Terdapat juga ungkapan tradisional Melayu Riau yang menyatakan bahawa warna lapisan pada tepi baju (sibar) juga menjadi penentu status golongan masyarakat di Alam Melayu, contohnya dalam ungkapan tradisional Melayu Riau ini;

Kalau terpanchang **warna** tabir,
Tengok tengok pada sibarnya,
Sibar **kuning** tanda raja,
Sibar **hijau** datuk-datuk,
Sibar **biru** tuk panglima,
Sibar **merah** orang banyak,
Sibar **putih** alim ulama,
Atau dipakai oleh patih,
Sibar hitam untuk dulubalang,
Kuning tanda daulat raja,
Hijau tanda tuah datuk,
Biru tanda kuat panglima,
Merah bagai darah ditubuh,
Yang tidak berbilang bangsa,
Putih tanda jalan lurus,
Tanda alim berkitabullah,
Tanda bersih luar dalam.

Azah Aziz 2006:65

Simbolisma variasi warna pada sibar, menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu awal amat mementingkan status. Ketinggian status atau pangkat seseorang dapat dilihat melalui warna dan cara pemakaiannya. Ungkapan di atas menyatakan warna putih yang sinonimnya bererti suci dan bersih dipakai oleh para alim ulama. Ulama dalam penduduk awal Alam Melayu dipandang tinggi dan berimej bersih bagi golongan diraja. Golongan raja berdamping dengan para ulama untuk penyebaran ajaran Islam yang suci. Selain daripada itu, ungkapan ini juga menyatakan bukti bahawa kuning ialah tanda daulat bagi raja.

Warna juga penting dalam persembahan-persembahan kesenian di mana warna antaranya ditonjolkan dalam Wayang Kulit. Kajian oleh Siti Zainon (1989:54) menyimpulkan;

Walaupun pada dasarnya perwayangan hanya berkesan lewat bayang yang terlintas di kelir tanpa kewujudan warna yang jelas, namun dalang cuba merakamkan kembali bentuk asas patung dengan warna-warna, hiasan-hiasan dan simbol ketokohan watak dengan cara kesenirupaan. Oleh itu simbolisme perbilangannya ini kemudiannya ditemui juga sifatnya sebagai imejan yang indah dalam unsur seni rupa seperti melalui warna dan hiasan-hiasan yang melengkapkan pakaian tokoh termasuk istana atau Balai Besar Seri Rama.

Tambah beliau lagi, beberapa warna wujud berdasarkan usul keturunan dan punca sesuatu peristiwa diterjemahkan melalui patung Hanuman, Jentayu, Pak Dogol dan Rahwana. Antaranya hanuman menjadi putih kerana disambar cahaya oleh Dewa Sinar, ketika cuba memakan buah masak. Pak dogol hitam kerana kejadian asalnya yang keluar dari kayangan sebagai anak dewa menyamar untuk memulihkan kejahatan di dunia, Rahwana bermuka hitam atau Merah kerana bertapa dengan kepalanya tersalai di api sementara Sita Dewi digambarkan berdasarkan sifat asalnya yang jujur dan mulia (digambarkan dengan warna putih kuning bagai kelopak buluh baru tanggal). Perwatakan dan nilai warna kuning yang dihasilkan oleh tukang Melayu adalah hasil kerja-kerja kreatif dan memiliki perincian yang unik misalnya dengan menggambarkan Sita Dewi melalui warna kuning, ciri-ciri keunikan pada watak Sita Dewi itu menjadi lebih menonjol dan ekspresif. Menurut Mohamed Ghouse (2001:327), dalam jampi serapah buka panggung terdapat simbolisma warna Hindu digunakan misalnya:

Semar dirujuk sebagai Semar Hitam, Semar Putih, Semar Merah dan Semar Kuning. Hitam menunjukkan kematangan dan ketenteraman; merah merujuk kepada keinginan hawa nafsu; kuning pula merujuk kepada bangsawan, serta raja; dan akhirnya putih merujuk kepada baik, indah dan 'noble'. Keempat warna ini yang terdapat di muka patung-patung utama wayang kulit, mempunyai kaitan dengan empat mata angin; hitam untuk utara, merah untuk selatan, kuning untuk barat, dan putih untuk timur.

Watak-watak wayang kulit yang disebutkan dalam petikan adalah sangat penting dalam sesuatu persembahan. Ini kerana setiap persembahan memerlukan watak-watak tersebut sebagai penguat jalan cerita yang dikisahkan oleh tukang karut. Bagi menguatkan sesebuah jalan cerita, wayang kulit diwarnakan untuk menaikkan seri dan imej sesuatu watak. Ini menunjukkan betapa pentingnya aplikasi warna dalam sesuatu karya dan hasil seni.

2.2 Tinjauan Kajian Lepas

2.2.1 Kajian dalam Negara

Merujuk kepada *A Malay-English Dictionary* yang ditulis Wilkinson (1903:647) nama lain bagi warna ialah “rona”, “orna”, “urona”, “urna”, “pancharona” dan “mengerna”. *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000:1547) mendefinisikan warna sebagai kesan yang didapati oleh mata daripada cahaya yang mempunyai gelombang yang berlainan dan dipancarkan atau dipancarkan kembali oleh benda-benda (putih, hitam, biru dan lain-lain). *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1989:1008) menyatakan warna bermaksud kesan yang diperoleh mata dari cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda yang dikenainya; corak rupa seperti biru dan hijau juga maksud lainnya iaitu kasta; golongan atau tingkatan dalam masyarakat. Tambahan pula, Sharifah Fatimah pelukis abstrak terkemuka tanah air menyatakan warna mempunyai falsafahnya yang tersendiri, setiapnya mengandungi pengertian iaitu;

Hijau adalah permaidani alam
Biru ialah dingin alam yang kering
Putih bagai kata-kata suci yang tak pudar

Warna cahaya bersih sebelum,
Hitam terselindung,
Hitam adalah cahaya terang ketika hari gelap
Merah merupakan semarak api
Sentiasa merebak amat bersemangat
Seperti getaran matahari diwaktu pagi
Musim bunga
Kuning adalah suasana alam keliling
Ia seperti alunan tiupan nafiri mengisi
Kekosongan yang penuh gelombang
Yang bergetaran.

Mahzan Musa 1994:73

Selain daripada itu Syed Ahmad Jamal (1992:23) menyatakan bahawa warna memainkan peranan yang penting dalam kebudayaan, sama ada dari segi estetika atau simbol. Ada empat warna yang penting dalam kebudayaan Melayu iaitu putih, kuning, merah dan hitam. Putih dan kuning diutamakan kerana warna diraja. Warna putih mendapat keutamaan dan kemuliaan diikuti oleh warna kuning. Warna hitam memainkan peranan dalam kepercayaan Melayu, manakala warna merah ialah warna paling sering digunakan dalam kebudayaan Melayu.

Manakala menurut Asmah Haji Omar (2005:101) persepsi terhadap warna adalah bergantung pada budaya (*culture-dependent*). Ini bermakna sesuatu masyarakat bahasa itu mempunyai cara penglihatannya sendiri terhadap warna, dan cara penglihatannya itu tidak sama dengan masyarakat yang lain. Orang Melayu pada amnya mengenal tujuh warna utama iaitu: hitam, putih, merah, kuning, hijau, biru, kelabu. Konsep warna ungu, jingga dan coklat diperkenalkan kemudian kepada masyarakat Melayu dari luar.

Jenis-jenis warna putih melambangkan beberapa sifat begitu juga warna hitam. Warna kuning dan hijau lebih mewakili bahan daripada suasana. Biru menyarankan sifat dan warna merah yang paling banyak jenisnya.

Tengkolok Raja-Raja Melayu mempunyai warna berikut:

- i. Yang Dipertua Negeri-kuning
- ii. Negeri Sembilan-putih
- iii. Pahang-putih
- iv. Selangor-putih
- v. Terengganu-putih
- vi. Kedah- biru muda
- vii. Kelantan- biru muda
- viii. Perak- ungu

Sementara itu dalam kalangan orang Melayu bidalan merupakan antara medium bahasa kiasan yang penting. Bidalan lama juga ada menyelitkan istilah warna untuk menggambarkan kiasan mengenai sesuatu subjek. Contohnya seperti yang dinyatakan dalam *Hikayat Malim Dewa* (Brown, 1959:102);

Berjumpa dengan **puteh** terleseh sangat,
Berjumpa dengan **hitam** terlegam sangat,
Jumpa yang rendah terpendek sangat,
Jumpa yang tinggi terunjau sangat.

Kiasan di atas jelas menyampaikan keadaan di mana manusia seringkali berasa tidak puas dengan sesuatu yang diperolehi. Ini digambarkan dengan istilah hitam dan putih yang digunakan untuk menyatakan sifat seseorang. Jika berkulit terlalu putih (*lesih*) dianggap pucat manakala jika berkulit gelap dianggap hitam legam pula.

Menurut Brown (1969:102), kiasan tersebut mempunyai makna yang tersirat disebalik setiap barisnya seperti berikut:

Berjumpa dengan **puteh** terleseh sangat,
If he met a fair-skinned girl,
Berjumpa dengan **hitam** terlegam sangat,
If he met a dark girl, he found her swarthy,
Jumpa yang rendah terpendek sangat,
If he met a short girl, he found her stump,
Jumpa yang tinggi terunjau sangat.
If he met a tall girl, he found her lanky.

Warna hitam dalam dunia Melayu pada umumnya mengandungi makna negatif, jahat dan keji. Tambahan pula, persepsi negatif bagi istilah hitam wujud atas pemerhatian orang Melayu dengan alam. Malah Skeat turut menyebutkan persepsi negatif hitam dikaitan dengan jin yang jahat dalam kepercayaan orang Melayu. Menurut Skeat (1900:651) jin yang paling bahaya berwarna hitam seperti gambaran berikut;

Al-salam aleikum hei **jin hitam** berhati **hitam**,
Berjantung **hitam** berpeparu **hitam**,
Berhempedu **hitam** bergigi jongang,
Berdarah **merah** beroma songsang,
Bertulang tunggal seribu rupa.

Gambaran jin hitam menunjukkan kekuatan jin itu sendiri. Semua organ dalaman yang disebutkan seperti hati, jantung, hempedu dan darah jin tersebut berwarna hitam untuk menunjukkan kekuasaan. Warna hitam juga cuba dinyatakan dengan istilah lain seperti istilah “gagak”. Di dalam *Sulalat Al Salatin* ada menyebutkan (A. Samad Ahmad, 1986:132):

Maka datanglah **gagak** sekawan, tiada terhisabkan banyaknya, turut masuk sama-sama.

Gagak sekawan yang dimaksudkan di atas ialah pasukan perajurit Cina yang memakai serba hitam (Raja Masittah, 1992:31). Menurut Azah Aziz (2006:75) pula,

dalam pemilihan busana, hitam menjadi pilihan bagi pakaian orang bergelar pahlawan, hulubalang (dulubalang) dan pendekar. Manakala Syed Ahmad Jamal (1992:27) menyatakan bahawa dalam kepercayaan Melayu, hitam mewakili kuasa yang tidak baik; nenek jin hitam bala seribu. Manakala serapah tangkal penyakit campak mengandungi banyak perkataan ‘hitam’ seperti dinyatakan di bawah:

Kamu jadi daripada dadih yang **hitam**
Keluar daripada roma yang **hitam**
Kamu keluar daripada kulit yang **hitam**
Kamu keluar daripada daging yang **hitam**
Keluar daripada darah yang **hitam**
Kamu keluar daripada urat yang **hitam**
Kamu keluar daripada lendir yang **hitam**
Kamu keluar daripada tulang yang **hitam**.

Namun begitu, gambaran warna hitam dalam Alam Melayu tidak selalunya memberi gambaran yang negatif malah juga memberi gambaran positif. Contohnya, Skeat (1900:229) menyatakan dalam upacara menyemai benih padi, pada waktu pagi mereka akan memerhatikan petanda-petanda jika terdapat semut hitam atau anai-anai berwarna putih di dalam air menandakan petanda yang baik. Penentuan berdasarkan warna unggas ini menunjukkan, penduduk Alam Melayu juga menggunakan simbol alam semulajadi sebagai gambaran baik atau buruk. Tambahan pula, gambaran ini juga membuktikan masyarakat Melayu tidak hanya menganggap warna hitam sebagai warna untuk gambaran kejahatan tetapi juga sebagai petanda baik. Jenis-jenis hitam ialah hitam birat, hitam kelawar, hitam pekat, hitam legam, hitam jebak, hitam jengat, hitam lengit, hitam lotong, hitam kumbang, hitam usam, hitam berkilat, hitam tampuk manggis, hitam manis, hitam pekat, hitam kerak dodol, hitam dakwat dan hitam arang.

Syed Ahmad Jamal (1992:25) pula menyatakan warna putih mempunyai keutamaan dalam adat istiadat Melayu. Dalam adat istiadat Melayu payung ubur-ubur

putih sering digunakan. Skeat (1900:229) menyatakan bahawa payung putih hanya untuk kegunaan raja dan payung kuning untuk kegunaan keluarga diraja. Dalam budaya Melayu, putih warna yang bertaraf paling tinggi. Contohnya, dalam *Sulalat Al Salatin* bertulis (A. Samad Ahmad, 1986:75):

Bermula **payung putih** itu tarupak dari jauh, sebab itulah maka **payung putih** lebih daripada kuning; dan pakaian raja **payung putih**, dan pakaian anak raja payung kuning.

Warna putih juga dianggap oleh Nawawee (1992:79) sebagai lambang suci dalam kebanyakan agama. Agama Hindu misalnya, menganggap unsur lembu balau sebagai simbol penghormatan terhadap lembu. Unsur ini ditonjolkan dalam Sejarah Melayu melalui tunggangan tiga orang anak Raja Suran dari dasar laut manakala tiga orang anak raja itu terdapat dalam syurga kepercayaan Hindu. Bermakna kedua-dua unsur dan watak dalam Sejarah Melayu itu, berkait rapat dengan unsur Hindu. M. Rajanathan (1999:100) menambah bahawa lembu merupakan binatang suci bagi orang India lebih-lebih lagi jika lembu itu berwarna putih. Lembu putih merupakan perlambangan suci dalam tradisi mitos dan kepercayaan orang India. Warna putih juga digunakan dalam bahasa kiasan contohnya seperti dinyatakan oleh Brown (1959:139) iaitu “kain puteh” yang bermaksud watak yang masih lagi boleh dibentuk. Tambah beliau, bahasa kiasan seperti “benang puteh” juga memberi maksud yang sama seperti yang telah disebutkan dalam *Hikayat Hang Tuah* (Kassim Ahmad 1975:453):

Hai Laksamana, adapun kita ini seumpama **benang putih**; barang yang hendak diwarnakan oleh saudara kita raja Melaka itu jadilah. Akan kita pun demikianlah. Maka ini Laksamana datang sangatlah kesukaan kita.